

KEMANUSIAAN, UMMAH & DAULAH ISLAMIAH

JALINAN manusia amat indah dan padu dari sudut pandangan (tassawur) Islam.

Pertama, Islam mengangkat darjat manusia dari keturunan Adam as dan isterinya, Hawa, sebagai makhluk mulia dan khalifah (pentadbir dan pengamanah di bumi). Kedua, Islam mengiktiraf hak asasi manusia dari segi kebebasan untuk memilih atau bersuara mengenai pegangan hidupnya. Ketiga, Islam mengangkat pengikut Nabi Muhammad saw sebagai satu ummah yang baik sebuah tubuh kerana berpegang kepada tali Allah, iaitu takwa. Keempat, Islam mengiktiraf bahawa pengikut Muhammad sebagai contoh cemerlang, adil, sederhana atau pertengahan. Kelima, Islam ingin melahirkan manusia yang beribadah kepada Tuhannya, soleh, muslih dan yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati.¹

KEMANUSIAAN SEJAGAT

[Persaudaraan manusia bermula dari baka yang satu. Al-Qur'an jelas menegaskan bahawa asal usul manusia itu adalah sama; tiada keistimewaan diberikan kepada mana-mana keturunan:

*"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal."*²³

Selepas jutaan tahun, manusia beranak-pinak menjadi '**berbangsa-berbangsa dan bersuku-suku**'. Warna-warna kehidupan manusia itu

¹ Sila lihat Al-Quran Surah Az-Zaariyat ayat 56, An-Naml ayat 19, Al-Ahqaf ayat 15, Surah Hud ayat 88 dan Surah Al-Furqan ayat 63

² Surah Al-Hujarat:13

³ Petikan dari Mahfuh Halimi "JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah

membuktikan keagungan sebagai Maha Pencipta lagi Maha Mengetahui. Malah Allah menampilkan konsep persaingan (meritokrasi) iaitu *takwa* sebagai nilai yang akan menentukan kedudukan insan di sisi-Nya pada hari akhirat kelak.

[Adanya jati diri ekoran kesan budaya, maka manusia membentuk kelompok yang dipanggil bangsa atau suku. Tujuan Allah swt ialah agar manusia saling berkenalan. Maksud *saling berkenalan* amat luas. Terhimpun di dalamnya rasa muhibah, tolong-menolong, hormat-menghormati keberadaan masing-masing sehinggalah semangat sejagat yang membela kemanusiaan.]⁴

HAK MEMILIH

Lantaran itu, Allah swt telah memberikan manusia kebebasan untuk memilih antara yang betul dan salah. Allah swt telah menempatkan hukumnya, sunatullah ke atas alam semesta dan mendorong manusia agar berfikir (menggunakan akal) agar setiap perlakuannya tidak membawa musibah. Kebolehan berfikir atau menggunakan akal membezakan manusia sebagai makhluk istimewa berbanding ciptaan-Nya yang lain.

“Dan jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang di muka bumi seluruhnya. Maka apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya? Dan tidak ada seorangpun akan beriman kecuali dengan izin Allah; dan Allah menimpakan kemurkaan kepada orang-orang yang tidak menggunakan akalnya.”⁵

Islam tidak memaksa sesiapa untuk menganutinya. Malah Allah swt telah memberi peluang kepada manusia untuk memilih anutannya, termasuk Islam. Allah telah mengutus para nabi yang terdiri daripada wakil kaum masing-masing untuk membawa perutusan kebenaran. Kerap berlaku perselisihan pendapat antara agama dan dalam sesuatu agama. Ini lumrah

⁴ Petikan dari Mahfuh Halimi “JI’s Jihad Ideology, Bai;ah & Ummah

⁵ Surah Yunus:99-100

kehidupan kerana setiap individu percaya bahawa agama atau cara anutannya saja yang benar. Perselisihan sedemikian haruslah dianggap 'rahmat' selagi ia tidak mencetuskan dendam dan akhirnya pertumpahan darah.

MEMBELA NYAWA

Setiap makhluk dijadikan Allah SWT. Allah sahaja yang berhak menghidup dan mematikan ciptaan-Nya. Oleh itu, Allah SWT amat menegah perbuatan membunuh - sama mengakhiri hayat sendiri atau menamatkan nyawa orang lain. Hayatilah maksud firman-Nya:

*"Dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuh-nya) melainkan dengan suatu (alasan) yang benar. Dan barangsiapa dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli warisnya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh. Sesungguhnya ia adalah orang yang mendapat pertolongan."*⁶

UMMAH MENDAHULUI DAULAH

Ummah bermakna seluruh orang Islam yang melafazkan dalam hati dan lidah tanpa rasa sangsi *la illaha illallah muhammadur rasulullah* (Tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah pesuruh-Nya). Amalan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan menjadi peneguh ikatan ummah. Namun perlu dipelajari juga bagaimanakah proses ummah yang awal terbentuk dan apakah kaitannya dengan Daulah Islamiyah.

Ummah terbentuk sejak Rasulullah saw menyebarkan dakwahnya bermula di kota kelahirannya, Makkah, dan kemudian di Madinah. Di Madinah, Rasulullah saw membentuk Daulah Islamiyah yang kerana adanya:

- | | |
|---|----------------------------------|
| 1 | Pimpinan dan rakyat |
| 2 | Undang-undang - Syariah |
| 3 | Sistem pentadbiran dan kebajikan |

⁶ Surah Al-Israa':33

- | | |
|---|--|
| 4 | Sistem pertahanan |
| 5 | Hubungan luar/diplomatik dan pengiktirafan |

Untuk mewujudkan ummah, Nabi saw telah menamatkan permusuhan dan menyatukan kaum Aus dan Khazraj yang kemudian dikenali sebagai golongan Ansar. Manakala kaum pendatang dari Makkah, Muhajir, dipersaudarakan dengan kaum Ansar. Hasilnya, wujud majoriti Muslim yang besar dan yang mengangkat Rasulullah saw sebagai pemimpin negara mereka.

Hanyasanya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.⁷

Rasulullah saw berpesan dengan maksud:

“Seseorang muslim dengan seorang muslim yang lain itu ibarat sebuah bangunan yang saling kuat menguatkan.”⁸

“Setiap Muslim adalah saudara kepada seorang Muslim; usahlah menyalahkannya atau membenarkannya berbuat kesalahan. Jika seseorang menghindarkan kesukaran daripada seorang saudara Muslimnya, Allah akan menghindarkannya daripada kesulitan sewaktu Hari Kebangkitan; dan jika sesiapa melindungi seorang Muslim dari keaiban, maka Allah akan melindunginya daripada keaiban pada Hari Kebangkitan kelak.”⁹

Memanglah konsep ‘negara’ zaman Rasulullah saw tidak serupa dengan konsep ‘negara bangsa’ hasil Perjanjian Westphalia di Eropah (24 Oktober 1648) antara pihak Vatikan dengan Perancis serta sekutunya yang menamatkan perang selama 30 tahun di Eropah.

Lain padang, lain belalangnya. Namun konsep negara bangsa Rasulullah saw berdasarkan ‘teokrasi’ -- negara yang mengamalkan undang-undang agama tetapi relevan. Mentelah beberapa kerajaan seperti Vatikan

⁷ Surah Al Hujuurat:10

⁸ Riwayat Bukhari dan Muslim

⁹ Riwayat Bukhari dan Muslim

merupakan negara teokrasi (Paus menjadi ketua negara) ketika itu. Mentelah pula negara Madinah telah mendapat pengiktirafan daripada banyak kerajaan ketika itu, termasuk raja Eritrea (Habsyah).

Perundangan Islam atau syariah berlandaskan al-Quran. Namun Rasulullah saw telah 'menerjemahkannya' ke dalam Piagam Madinah yang antara lain mengiktiraf kaum-kaum bukan Arab dan yang bukan Islam seperti Nasrani, Yahudi dan Majusi.

Rasulullah saw telah memeterai perjanjian dengan pihak bukan Islam dan menawarkan mereka perlindungan selagi mereka membayar jizyah (cukai). Mereka ini dipanggil *zimmi* (golongan bukan Islam yang dilindungi).

*"Usahlah membahayakan diri anda dan orang lain. Sesiapa yang menganiayai orang lain, Allah akan menggugatnya dan sesiapa yang mengasari orang lain, Allah akan mengasarinya."*¹⁰

[Daripada hadis, para ulama umumnya telah mengutarakan prinsip fiqh yang berharga (qaedah fiqhiyyah) untuk memerintah kelakuan seseorang – *La dharara wa la dhirar*, iatu setiap bencana haruslah disingkirkan untuk kesejahteraan seseorang itu. Ini bererti bahawa perbuatan seseorang Umat Islam itu tidak harus menimbulkan ancaman kepada masyarakat, baik Islam mahupun bukan Islam.]¹¹

Teras Daulah Islamiah atau negara Islam zaman Rasulullah saw amat jelas, menurut Dr Fazlur Rahman, kerana:

1. Umat Islam menjadi tunjang kepimpinannya.
2. Hak asasi terpelihara dan perlindungan diberikan kepada umat lain selagi ia taat kepada perundangan negara.
3. Terdapat pengiktirafan diplomatik.

Selaku tunjangnya, umat Islam diberikan tugas atau tanggungjawab serta peranan untuk menjadi masyarakat terbaik atau cemerlang tetapi seimbang (sederhana, bertimbang rasa dan pertengahan), sebagaimana maksud firman-Nya:

¹⁰ Riwayat Imam Malik

¹¹ Petikan daripada tulisan Mahfuh Halimi "JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah".

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.”¹²

Konsep ‘keadilan’ (*qisthi*) merupakan teras pokok negara Islam. Ia mestilah disaksikan atau dibuktikan (*syahada*). Andai hal ini tidak dapat dibuktikan, maka sesebuah negara tidak boleh mengaku republik atau negara Islam.

Konsep ‘Khilafah Nubuwwah’ menurut ramai ulama hanya berlaku antara zaman Rasulullah saw sehingga khalifah rasyidin (Abu Bakar, Omar, Uthman dan Ali). Setelah itu, muncul dinasti (bani) Umayyiah sehinggalah membawa ke zaman Uthmaniyah (Turkey) yang berakhir pada tahun 1924 (selepas Perang Dunia Pertama).

Dr Sheikh Muhammad Bin Muhammad Bin Abu Syahbah, seorang professor Ulumul Quran Wal hadith di Universiti Al-Azhar, di dalam bukunya ‘Difa an As-Sunnah’ (mukasurat 190) menjelaskan bahawa katanya pada hadis Safinah yang dikeluarkan oleh Ashabus Sunan dan disahkan oleh Ibnu Hibban dan yang lain [Khilafah selepasku berjalan selama 30 tahun, kemudian berlaku kerajaan kerana masa 30 tahun itu tiada padanya kecualinya khalifah yang empat (Ar-Rasyidin), dan zaman Al-Hassan Bin Ali...] Sesungguhnya dia bermaksud pada hadis Safinah itu Khilafah kenabian.

Negara bersifat ‘bani’ atau dinasti tidak berlaku adil kerana seluruh kepimpinannya dilantik berdasarkan keturunan, bukan dipilih rakyat. Namun para pemikir Islam berkata, sekurang-kurang zaman tamadun tinggi Islam selama 700 tahun telah dibawakan oleh dinasti-dinasti ini sehingga ke zaman moden (1920-an).

PERCUBAAN KE ARAH DAULAH

¹² Surah Al-Baqarah:143

Selepas Perang Dunia Pertama, banyak kawasan majoriti Islam di Timur Tengah dibebaskan daripada Kerajaan Uthmaniyah seperti Mesir dan Iraq. Namun kuasa-kuasa Barat seperti British, Perancis dan Italy telah meneruskan penjajahan mereka.

Di Mesir muncul gerakan pembangkit Islam yang paling awal iaitu *Ikhwanul Muslimin* (1924) yang dirintis oleh Hassan al-Banna. Visinya ialah membebaskan Mesir dari cengkaman Inggeris dan membentuk sebuah Daulah Islamiah.

Gerakan *Ikhwanul* telah memberikan ilham kepada umat Islam yang dijajah di merata bahagian dunia. Mereka juga membentuk harakah untuk menuntut kemerdekaan menerusi pelantar Islam. Bagaimanapun, gerakan seperti *Ikhwanul* terpukul teruk oleh sikap gerakan kemerdekaan menurut faham sosialis atau sekular di Turkey, Mesir, Syria, dan Iraq. Manakala campur tangan penjajah telah membolehkan pemerintahan beraja (kerajaan) muncul di Arab Saudi dan negeri-negeri Teluk.

Usaha untuk menyatukan rantau Islam menjadi Daulah Islamiyah sukar menjadi realiti kerana pelbagai hambatan khususnya bidang politik. Sekadar contoh, di Asia Tenggara, terdapat usaha Serikat Islam, parti Islam pertama (1924) untuk cuba membangun kesedaran beragama dalam jurus politik dan cuba mencantumkan seluruh rantau ini. Lama-kelamaan gerakan pembangkit Islam yang menghadapi masalah dengan pemerintah di watan masing-masing. Akibatnya sesetengah anggota berpisah atau membentuk gerakan serpihan yang agak radikal iaitu sanggup melakukan pengganasan atas nama *jihad*. Dalam hal ini, kesucian *jihad* telah dicemari dengan agenda politik yang tidak dapat dihuraikan secara damai.

Dalam pada itu, menyedari bahawa sukar untuk 'kembali' ke zaman Rasulullah saw dan demi memelihara perpaduan Islam, maka wujudlah gerakan seperti Muktamar Islam (OIC) yang menghimpukan 56 negara majoriti Islam, Liga Arab (untuk negara Arab) dan pelbagai agensi antarabangsa untuk umat Islam. Menerusi OIC, para pemimpin negara majoriti Islam bertukar-tukar pendapat dan menampilkan pendirian bersama mengenai hal-hal yang menyangkut masalah umat Islam dan dunia. Malah para ulama juga dilibatkan dalam proses penggubalan fatwa OIC.

MODEL NEGARA ISLAM

Terdapat perbahasan di kalangan ulama yang sehingga kini belum terhurai – apakah dapat diwujudkan negara Islam atau Daulah Islamiyah?

Percubaan pertama dilakukan di Pakistan – serpihan daripada benua kecil India pada 1947. Namun hingga kini, Pakistan belum memiliki prasarana dan kepakaran mencukupi untuk membentuk sebuah negara Islam yang lengkap.

Selepas jatuhnya Shah Iran pada 1979, muncul Republik Islam Iran menurut visi Ayatollah Ruhollah Khomeini. Namun kini terdapat kelompok ulama tegar dan ulama pembaruan yang saling berselisih faham sehingga menjejaskan perpaduan Iran. Visi Islam untuk Iran kian diragui oleh rakyatnya, terutama generasi muda.

Indonesia dengan penduduk 220 juta jiwa, 90 peratus beragama Islam, turut menolak visi negara Islam kerana para ulamanya berkata keadaannya belum sesuai. Tegasnya Indonesia belum bersedia untuk melaksanakan syariah dengan seimbang dan adil. Konsep 'seimbang' atau 'adil' juga membuat tokoh pembaruan Islam yang awal dalam zaman moden, Jamaluddin al-Afghani, berkata: "Di dunia Islam, aku melihat banyak ketidakadilan, tetapi sebaliknya pula di Dunia Barat."

Bagaimanapun golongan pembangkit Islam masih yakin visi Daulah Islamiah masih dapat diusahakan sekalipun dengan darah dan air mata. Inilah yang berlaku terakhir ini dengan timbulnya rangkaian al-Qaeda yang cuba memujuk gerakan pembangkit Islam agar bersatu untuk menentang pemerintah mereka yang berasuah dan Dunia Barat. Mereka tidak lagi menghiraukan apakah cara mereka itu sejajar dengan kesucian Islam, sebagaimana sudah dipaparkan oleh contoh murni Rasulullah saw. Mereka sanggup menggunakan keganasan dengan alasan ia dapat memenuhi visi mereka. Sesungguhnya, mereka benar-benar tersesat.